

Sukarelawan bersihkan rumah mangsa banjir

Bera: Sukarelawan Pejabat Perdana Menteri (PMO) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) turun padang membersihkan rumah penduduk di Kampung Mengkarak, dekat sini, kelmarin.

Diketuai Setiausaha Sulit Perdana Menteri, Datuk Mohd Fuad Jelani, 20 sukarelawan dari PMO dan 15 dari UPM bukan saja bergotong-royong membersihkan kediaman penduduk, bahkan turut menyampaikan bantuan barang keperluan asas kepada penduduk kampung berkenaan.

Program itu turut disertai Pengarah Urusan UPM Holdings, Prof Dr Husaini Omar serta Pen-

gerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Tugas-tugas Khas negeri, Norol Azali Sulaiman, yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Guai.

Wakil sukarelawan PMO, Husnita Hussien, 37, berkata kampung itu adalah lokasi kedua mereka selepas berada di Pekan, minggu lalu.

Tunda program lain

“Sepatutnya kami ada program lain minggu ini, namun ditunda selepas memikirkan program gotong-royong membantu penduduk terjejas akibat banjir lebih penting. Kita harap



Mohd Fuad (kanan) bersama sebahagian sukarelawan dari PMO dan UPM membersihkan rumah mangsa banjir di Kampung Mengkarak.

[FOTO NAZIRUL ROSELAN/BH]

usaha ini dapat mengurangkan bebanan dipikul mangsa banjir,” katanya.

Prof Husaini berkata, UPM sentiasa prihatin dan menyertai program tanggungjawab sosial korporat (CSR) untuk membantu mereka yang memerlukan.

Katanya, selain membawa pelajar tempatan, mereka turut membawa empat pelajar antarabangsa menyertai program kali ini bagi memberi peluang kepada mereka melihat sendiri amalan gotong-royong dalam membantu mangsa banjir.